

SOALAN NO: 144

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]
TARIKH : 12/10/2017
SOALAN : 148**

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pembinaan Hospital Seri Iskandar yang dapat kelulusan se-awal RMK-10

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak kerajaan telah bersetuju dengan pembinaan Hospital Seri Iskandar, Perak dengan 76 katil dan Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah meluluskan pembinaan Hospital ini dengan kos sebanyak **RM 120 juta**. Kementerian Kesihatan Malaysia telah melantik JKR sebagai agensi pelaksana projek ini.

Projek ini juga perlu melalui proses *Value Management* (VM) iaitu proses pengurusan nilai yang melibatkan *Value Assessment* (VA) dan *Value Engineering* (VE) bagi semua projek yang melibatkan kos melebihi RM50 juta. Bagi tujuan tersebut, sesi VA projek ini akan dilaksanakan pada 23 hingga 27 Oktober 2017 dan seterusnya akan melalui sesi VE sebelum dimuktamadkan kos dan keperluan lain berkaitan pembinaan projek ini. Projek ini akan ditender setelah kos dimuktamadkan dan diluluskan oleh UPE, JPM.